

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

SOALAN NO. 137

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan dan kelulusan bagi Dana Mampu Milik yang diperuntukkan sebanyak RM1 bilion sejak bulan Januari 2019 yang lalu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dana Mampu Milik telah dilancarkan pada 2 Januari 2019. Dana ini bertujuan untuk membantu pembeli rumah daripada kumpulan berpendapatan rendah untuk membiayai pembelian rumah pertama yang berharga kurang daripada RM150,000. Sehingga akhir bulan Februari 2019, sebanyak 104 permohonan bagi mendapatkan Dana Mampu Milik yang telah diterima bernilai RM9.8 juta. Daripada 40 permohonan yang telah diproses, 93% telah diluluskan dengan nilai sebanyak RM3.3 juta, sementara 64 permohonan lagi masih dalam proses pertimbangan.

Sekian, terima kasih.